



**TAWARAN PENAJAAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)  
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DALAM NEGARA  
(LSPM) TAHUN 2023**

**1. PENGENALAN**

Permohonan adalah dipelawa kepada pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya 9A+ untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara.

Calon-calon akan ditawarkan penajaan untuk mengikuti pengajian peringkat Persediaan hingga ke Ijazah Pertama di Universiti Awam (UA), *Government Linked Universities* (GLU) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara yang dikenal pasti, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Penajaan program ini adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) dan tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- i. Pinjaman **ditukar kepada biasiswa penuh** dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;
- ii. **Bayaran balik sebanyak 25%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;
- iii. **Bayaran balik sebanyak 50%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan
- iv. Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar **balik sepenuhnya nilai pinjaman**.

## 2. PENAJAAN MENGIKUTI PERINGKAT PENGAJIAN

- 2.1. Penajaan di bawah Program Khas Lepas SPM Dalam Negara (LSPM) ini adalah **secara berpakej** merangkumi peringkat Persediaan dan Ijazah Pertama.
- 2.2. Calon-calun yang berjaya akan mengikuti program persediaan di Kolej Persediaan dalam negara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti di **LAMPIRAN A**.
- 2.3. Seterusnya, penajaan peringkat Ijazah Pertama adalah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara sahaja tertakluk kepada pelajar melepasi Had Kecemerlangan Akademik (HKA) di Peringkat Persediaan. Senarai IPT adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Bagi **Universiti Awam**, penajaan adalah bagi pelajar yang mendapatkan tempat melalui **saluran perdana** sahaja.
- 2.4. Pelajar tidak dibenarkan untuk mengikuti program persediaan dengan pembiayaan sendiri. Sekiranya berbuat demikian, pelajar **tidak akan ditawarkan** penajaan di peringkat Ijazah Pertama di bawah program ini.
- 2.5. Pelajar **tidak digalakkan memohon penangguhan penajaan / program persediaan pada tahun tawaran semasa kecuali atas sebab-sebab munasabah seperti masalah kesihatan**. Permohonan penangguhan kerana masalah kesihatan boleh dikemukakan dengan pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan mengenai keadaan kesihatan pelajar. Tempoh penangguhan maksimum yang boleh dipertimbangkan adalah 12 bulan dan tertakluk kepada kelulusan.
- 2.6. Sekiranya pelajar yang ditaja tidak menamatkan kursus persediaan atau menamatkan kursus persediaan tetapi gagal melepasi HKA yang ditetapkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Pertama, penajaan pelajar boleh ditamatkan. HKA peringkat persediaan adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

- 2.7. Sekiranya pelajar enggan meneruskan penajaan di peringkat Ijazah Pertama di bawah tajaan JPA atau enggan mematuhi syarat-syarat penajaan yang ditetapkan oleh JPA bagi menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Pertama, **penajaan pelajar akan ditamatkan dengan tuntutan ganti rugi.**

### 3. SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

#### 3.1. Syarat Umum Calon

- 3.1.1 Warganegara Malaysia;
- 3.1.2 Mempunyai kesihatan yang baik;
- 3.1.3 Ibu/bapa tidak disenaraihitamkan oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang JPA;
- 3.1.4 Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;
- 3.1.5 Menduduki peperiksaan **SPM 2022 buat pertama kali** di mana-mana sekolah menengah atau calon-calon persendirian;
- 3.1.6 Umur belum mencapai 19 tahun (atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki; dan
- 3.1.7 Keutamaan diberikan kepada calon daripada latar belakang keluarga dengan kategori pendapatan B40 dan M40.

#### 3.2. Syarat Khusus Calon

- 3.2.1 Pelajar hendaklah **mendapat keputusan SPM sekurang-kurangnya 9A+ dalam mana-mana mata pelajaran tanpa mengambil kira mata pelajaran selebihnya** (sekiranya ada);
- 3.2.2 Memulakan pengajian peringkat Persediaan sebelum 31 Disember tahun penawaran semasa.

## 4. KETETAPAN PENAJAAN

### 4.1. Peringkat Persediaan

Pelajar hendaklah **memulakan pengajian Persediaan dalam tahun penawaran semasa.**

Tempoh maksimum untuk mengikuti pengajian di peringkat Persediaan adalah bagi tempoh **24 bulan yang dikira daripada tarikh memulakan pengajian tahun penawaran semasa.** Pelajar tidak layak mendapat pelanjutan selepas tempoh maksimum ini tamat.

Pelajar yang mengikuti pengajian persediaan A-Level **diwajibkan mengambil tiga subjek sahaja.** Sekiranya pelajar ingin mengambil lebih daripada tiga subjek, **pembayaran bagi subjek-subjek tersebut adalah di bawah tanggungjawab pelajar sendiri.**

### 4.2. Peringkat Ijazah Pertama

Penajaan adalah meliputi semua bidang seperti yang dinyatakan **kecuali** pendidikan, penerbangan, kejururawatan, separa perubatan, kursus profesional, program yang dilaksanakan secara Program Berkembar atau pengajian tanpa subsidi yuran pengajian. Program pengajian yang diikuti hendaklah telah mendapat **akreditasi penuh** Agensi Akreditasi Malaysia (MQA) dan badan profesional berkaitan, seperti senarai di **LAMPIRAN D.**

Bagi tujuan penajaan, pelajar hendaklah telah ditawarkan mengikuti pengajian Ijazah Pertama di IPT dalam tempoh **12 bulan selepas tamat program persediaan.** Pelajar **tidak dibenarkan untuk menanggung pengajian** ke tahun berikutnya.

Program Pengajian yang diikuti hendaklah dijalankan secara **sepenuh masa di institusi dalam negara sahaja** dan tidak termasuk dalam program berkembar di luar negara atau sebahagian daripadanya dijalankan di luar negara (kecuali di bawah program mobiliti).

Yuran pengajian bagi Ijazah Pertama di Universiti Awam hanya dibayar mengikut **kadar yang telah ditetapkan oleh JPA** iaitu berdasarkan kadar yuran pengajian saluran perdana sahaja (**saluran alternatif/ terbuka/ *private wing*/ pengajian tanpa subsidi yuran pengajian tidak ditaja**).

Pelajar perlu mengekalkan prestasi akademik yang baik sepanjang tempoh pengajian dan memastikan melepasi HKA yang ditetapkan. Pelajar bertanggungjawab untuk mengemukakan keputusan peperiksaan kepada pihak JPA pada setiap semester / tahun pengajian.

#### 4.3. **Syarat Tawaran**

Semua bayaran elaun dan kemudahan adalah sebagaimana yang ditawarkan pada Surat Tawaran dan Perjanjian Pinjaman Pelajaran Persekutuan yang berkuat kuasa. Penajaan yuran, elaun dan kemudahan adalah berkuat kuasa **berdasarkan perjanjian yang ditandatangani** sehingga tarikh pelajar tamat pengajian.

### 5. **PERMOHONAN**

- 5.1. Calon yang berminat perlu mengisi profiling secara dalam talian (online) di <http://esilav2.jpa.gov.my/> yang dibuka khusus kepada **senarai calon yang dipaparkan dalam laman web berkenaan sahaja**.
- 5.2. Permohonan dibuka bermula **12 Jun 2023 (Isnin), 12.00 tengah hari hingga 23 Jun 2023 (Jumaat), 11.59 malam**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 5.3. Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. **Sebarang perubahan maklumat permohonan selepas tarikh tutup tidak akan diterima**.

- 5.4. Calon diwajibkan mengambil dan melengkapkan **ujian psikometrik** yang akan dibuka mulai 12 Jun 2023 (Isnin), 12.00 tengah hari hingga 23 Jun 2023 (Jumaat), 11.59 malam melalui Sistem eProfiling. Calon yang tidak menduduki ujian ini adalah dikira gagal dan tidak layak ditawarkan penajaan.
- 5.5. Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Ujian Psikometrik** dan **Slip Pengesahan Permohonan Program Khas Lepas Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2023** sebagai bukti permohonan telah dibuat.
- 5.6. Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi talian *call center* iaitu 03-8885 3297 (jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang) atau e-mel **lepasanspm2023@jpa.gov.my** (talian dan e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja iaitu mulai 12 sehingga 23 Jun 2023).
- 5.7. Permohonan bagi calon yang ingin menggunakan hasil keputusan semakan semula SPM **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya diterima selepas tarikh tutup permohonan iaitu pada 23 Jun 2023.

## 6. **STUDENT ASSESSTMENT CENTRE (SAC)**

Calon-calun yang memohon akan disenarai pendek dan dipanggil untuk menghadiri SAC. Tujuan SAC adalah bagi menyediakan profil interpersonal pelajar, menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. **Program SAC dijadualkan berlangsung secara fizikal mulai 10 hingga 14 Julai 2023 mengikut zon pusat temu duga.**

## 7. TARIKH-TARIKH PENTING

<b>Aktiviti</b>	<b>Tarikh / Hari</b>
Permohonan dibuka	<b>12 Jun 2023 (Isnin)   12.00 tengah hari</b>
Permohonan ditutup	<b>23 Jun 2023 (Jumaat)   11.59 malam</b>
Pengisian Ujian Psikometrik	<b>12 Jun 2023 (Isnin)   12.00 tengah hari</b> – <b>23 Jun 2023 (Jumaat)   11.59 malam</b>
Semakan Panggilan SAC	<b>4 Julai 2023 (Selasa)   12.00 tengah hari</b> – <b>9 Julai 2023 (Ahad)   11.59 malam</b>
Tempoh SAC	<b>10 Julai 2023 (Isnin) – 14 Julai 2023 (Jumaat)</b>
Jangkaan Keputusan	<b>4 Ogos 2023 (Jumaat)   12.00 tengah hari</b>

## 8. HAK KERAJAAN

- 8.1. Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 8.2. JPA boleh membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 8.3. JPA boleh menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

**TAMAT**

## LAMPIRAN A

### SENARAI PROGRAM PERSEDIAAN YANG DITAJA DI BAWAH PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DALAM NEGARA TAHUN 2023

BIL.	PROGRAM PERSEDIAAN
1.	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)
2.	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)
3.	Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
4.	Asasi Universiti Awam (UA)  Contoh: Asasi UIAM; Asasi Sains UM; Asasi UNIMAS; Asasi UMS; Asasi UniSZA; Asasi Pengajian Islam UM; Tahmidi USIM; Asasi UKM dan lain-lain.
5.	Program ASASIpintar, Pusat PERMATApintar Negara
6.	Program Persediaan di International Islamic School Malaysia (IISM)
7.	<i>Foundation</i> IPTS*  Contoh:  i. Foundation Programme ii. A-Level iii. International Baccalaureate (IB) Diploma Programme iv. Australian Matriculation (AUSMAT)

\* Dilaksanakan di Institusi-institusi seperti di LAMPIRAN B



LAMPIRAN B

**SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH  
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
DALAM NEGARA TAHUN 2023**

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI		BIDANG PENGAJIAN
<b>Universiti Awam (UA)</b>  <b>*saluran perdana sahaja</b>	1. Universiti Malaya (UM) 2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 3. Universiti Putra Malaysia (UPM) 4. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 5. Universiti Sains Malaysia (USM) 6. Universiti Malaysia Pahang (UMP) 7. Universiti Utara Malaysia (UUM) 8. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 9. Universiti Teknologi MARA (UiTM) 10. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) 11. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 12. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 13. Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM) 14. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 15. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 16. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 17. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 18. Universiti Malaysia Sabah (UMS) 19. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) 20. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	Semua bidang KECUALI Pendidikan, Penerbangan, Kejururawatan, Separa Perubatan, Kursus Profesional, Program Berkembar.
<b>Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)</b>	1. International Medical University (IMU) 2. Monash University Malaysia 3. Universiti Kuala Lumpur – Royal College of Medicine Perak 4. UCSI University 5. University of Cyberjaya (UoC) 6. Management & Science University (MSU) 7. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) 8. Taylor’s University 9. SEGi University 10. Lincoln University College 11. WIDAD University College	Perubatan
	1. International Medical University 2. SEGi University 3. Lincoln University	Pergigian
	1. UCSI University 2. International Medical University (IMU) 3. University of Cyberjaya (UoC) 4. SEGi University	Farmasi

**SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH  
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
DALAM NEGARA TAHUN 2023**

<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>		<b>BIDANG PENGAJIAN</b>
	5. Lincoln University College 6. Monash University Malaysia 7. Management & Science University Malaysia 8. Taylor's University 9. Universiti Kuala Lumpur – Royal College of Medicine Perak	
<b>Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)</b>	1. UTM - Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIT) 2. Universiti Teknologi Petronas (UTP) 3. Monash University Malaysia 4. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) 5. Multimedia University (MMU) 6. Universiti Kuala Lumpur (UniKL) 7. Taylor's University 8. The University of Nottingham Malaysia Campus (UNM) 9. Manipal International University 10. Swinburne University of Technology Sarawak Campus 11. Curtin University, Malaysia 12. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) 13. UCSI University 14. Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU) 15. SEGi University 16. Tunku Abdul Rahman University College 17. TATI University College	Kejuruteraan
	1. Taylor's University 2. UCSI University 3. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	Seni bina (Merangkumi Part I dan Part II)
	1. Universiti Teknologi Petronas (UTP) 2. International Medical University (IMU) 3. Monash University Malaysia 4. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) 5. Universiti Kuala Lumpur (UniKL) 6. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) 7. Curtin University, Malaysia 8. The University of Nottingham Malaysia Campus (UNM) 9. Swinburne University of Technology Sarawak Campus 10. UCSI University 11. Multimedia University (MMU) 12. Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) 13. Management And Science University (MSU) 14. Taylor's University	Sains dan Teknologi & Sains Sosial

**SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH  
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
DALAM NEGARA TAHUN 2023**

<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>		<b>BIDANG PENGAJIAN</b>
	<ul style="list-style-type: none"><li>15. Asia Pacific University Of Technology &amp; Innovation (APU)</li><li>16. Sunway University</li><li>17. SEGi University</li><li>18. Manipal International University</li><li>19. University of Cyberjaya (UoC)</li><li>20. Lincoln University College</li><li>21. Tunku Abdul Rahman University College</li><li>22. University College TATI</li><li>23. Widad University College</li></ul>	

**LAMPIRAN C****HAD KECEMERLANGAN AKADEMIK (HKA) KEPUTUSAN AKHIR PERINGKAT PERSEDIAAN**

<b>BIL.</b>	<b>PROGRAM PERSEDIAAN</b>	<b>HAD KECEMERLANGAN AKADEMIK (HKA)</b>
1.	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.50
2.	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	Peringkat Jayyid Jiddan dan mengambil sekurang-kurangnya empat mata pelajaran
3.	Asasi / Matrikulasi / Foundation	PNGK 3.75
4.	A-Level	13 mata
5.	International Baccalaurate Diploma Programme (IB)	34 mata
6.	Australian Matriculation (AUSMAT)	Australian Tertiary Admission Rank (ATAR) 85%
7.	Program persediaan selain yang di atas	Cemerlang / Distinction / PNGK 3.75 atau setara

## LAMPIRAN D

### SENARAI BADAN-BADAN PROFESIONAL MALAYSIA

Hanya Badan Profesional di Malaysia yang diluluskan di bawah peruntukan undang-undang tertentu sahaja diluluskan / ditetapkan bagi tujuan penajaan Jabatan ini. Senarai Badan Profesional di Malaysia adalah seperti berikut:

BI	BIDANG	BADAN PROFESIONAL
1.	Perubatan	Majlis Perubatan Malaysia
2.	Pergigian	Majlis Pergigian Malaysia
3.	Farmasi	Lembaga Farmasi Malaysia
4.	Perakaunan	Institut Akauntan Malaysia
5.	Undang-undang	Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang
6.	Kejuruteraan	Lembaga Jurutera Malaysia
7.	Seni Bina	Lembaga Arkitek Malaysia  *Bagi bidang Seni Bina, Institusi Pengajian yang disenaraikan adalah berdasarkan senarai Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan menawarkan pengajian peringkat <b>Part I dan Part II</b> .
8.	Sains dan Teknologi	Malaysian Board of Technologist (MBOT)
9.	Bidang-Bidang Lain	i. Lembaga Juruukur Bahan Malaysia ii. Lembaga Juruukur Tanah Malaysia iii. Lembaga Penilai, Penaksir & Ejen Harta Tanah iv. Lembaga Perancang Bandar Malaysia v. Majlis Optik Malaysia vi. Majlis Veterinar Malaysia vii. <b>Badan Profesional / badan penyelia lain yang diwujudkan dan diiktiraf oleh Kerajaan</b>